

22 APR 1999

MUSTAPA-DANA KHAS

DANA KHAS AKAN DITERUSKAN HINGGA NEGARA PULIH SEPENUHNYA, KATA MUSTAPA

KUALA LUMPUR, April 22 (Bernama) -- Dana Khas Negara yang dilancarkan pada bulan Mac tahun lepas akan diteruskan sehingga negara pulih sepenuhnya daripada masalah kegawatan ekonomi, demikian menurut Menteri Kewangan Kedua, Datuk Mustapa Mohamed.

"Walaupun negara telahpun menunjukkan tanda-tanda pemulihan, kita belum pulih sepenuhnya," kata beliau.

Setakat ini sumbangan Dana Khas Negara telah menjangkau sebanyak RM35 juta, yang mana RM29.52 juta adalah dalam bentuk wang tunai, kata Mustapa kepada pemberita selepas merasmikan majlis lelongan harta-harta Dana Khas Negara di sini hari ini.

Beliau berharap melalui majlis perlelongan itu, yang pertama kali diadakan di negara ini, akan dapat menambah lagi jumlah yang sedia ada sekarang.

"Dijangkakan sebanyak RM5 juta lagi akan dapat dikumpulkan hari ini menerusi majlis lelongan ini," kata beliau.

Pada majlis ini, sebanyak 37 jenis barangan akan dilelong, termasuklah 10 lot tanah banglo dan satu rumah banglo yang telah disumbangkan oleh Country Heights Sdn Bhd.

Adalah dianggarkan harga rizab kesemua barangan atau lot tersebut berjumlah RM3.9 juta.

Antara barangan yang mendapat nilai tinggi dan perhatian ramai ialah bingkai gambar mengandungi mata wang asing kepunyaan peribadi Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang berjaya dijual pada harga RM40,000 daripada harga tawaran RM20,000.

Satu lagi barangan lelongan ialah koleksi persendirian Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali yang merupakan satu set rantai leher berlian bertatah batu permata, rantai tangan, sepasang subang dan cincin yang dibeli dengan harga RM200,000 daripada harga lelongan RM120,000.

Barang-barang lelongan lain ialah barangan perak, kristal, pena, mutiara dan jam tangan. -- BERNAMA

AA OS